

Telefon : 088-257111
Faks : 088-212655
E-mail : bn.jbn@sabah.gov.my



JABATAN BENDAHARI NEGERI
Wisma Kewangan
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

RUJ: JBN No. (A) (E-AGP)/100-4/3316/Jld.2/(21)

12 November 2003

Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Bendahari Daerah

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BILANGAN 8 TAHUN 2003
PERATURAN PEMBAYARAN IMBUHAN (BONUS) TAHUN 2003 KEPADA ANGGOTA
PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

1. TUJUAN

- 1.1 Menetapkan kaedah pembayaran Imbuhan Tahun 2003 kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Bilangan 8 Tahun 2003 bertarikh 11 November 2003.
- 1.3 Pekeliling ini boleh didapati di laman Sabahnetdi <http://www.sabah.gov.my/ecircular/>.

2. KADAR BAYARAN IMBUHAN (BONUS) TAHUN 2003

Kadar bayaran Imbuhan bagi tahun 2003 telahpun ditetapkan sebanyak setengah bulan gaji bagi anggota yang layak sepenuhnya atau secara 'proportionate' mengikut mana yang berkenaan.

3. KAEDAH PEMBAYARAN IMBUHAN

- 3.1 Jabatan ini akan membuat bayaran Imbuhan 2003 secara automatik kepada anggota perkhidmatan awam yang gajinya masih aktif dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk anggota di Jabatan Mengakaun Sendiri.
- 3.2 Imbuhan yang akan dibayar adalah dikira berasaskan setengah bulan gaji manakala elaun memangku yang dibayar sepanjang tahun 2003 melalui SGP akan juga diambil kira setengah bulan elaun memangku atau secara 'proportionate' mengikut mana yang berkenaan.

- 3.3 Anggota yang dilantik semula selepas bersara, kembali dari cuti tanpa gaji , dinaikan pangkat, dipinjamkan atau bertukar skim perkhidmatan dalam tahun 2003 dan gaji mereka masih aktif serta dibayar melalui SGP dalam bulan November 2003 maka Imbuhan mereka juga akan dibayar secara automatik dan dikira secara 'proportionate' melalui Sistem Gaji Pusat.
- 3.4 Anggota yang gaji bulanannya telah dikeluarkan dari SGP atau tidak aktif pada bulan November 2003 atas kesilapan teknikal atau telah bersara, meninggal dunia, letak jawatan, tamat perkhidmatan dan seumpamanya tetapi layak dibayar Imbuhan ini, maka pembayaran Imbuhan hendaklah dibuat secara manual iaitu melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB).
- 3.5 Bagi anggota yang gajinya dibayar melalui SBB, Imbuhan ini boleh dibayar mulai bulan November 2003.
- 3.6 Semua baucar bayaran Imbuhan bagi anggota yang tersebut di perenggan 3.4 dan 3.5 di atas hendaklah disediakan oleh Kementerian/Jabatan dimana anggota berkenaan sedang berkhidmat dan menghantar baucar bayaran tersebut ke pejabat pembayar yang berkenaan (Seksyen Gaji dan Pencen, Ibu Pejabat Jabatan Bendahari Negeri/Bendahari Daerah/Ibu Pejabat Jabatan Mengakaun Sendiri) lengkap dengan dokumen-dokumen penyokong seperti berikut :-
- (a) Salinan surat pelantikan dan surat melapor diri bertugas (Jika Pegawai dilantik dalam tahun 2003).
 - (b) Salinan Sijil Pergerakan Gaji terakhir bagi tahun 2003.
 - (c) Salinan Penyata Gaji (Pay Slip) bulan Oktober dan November 2003.
 - (d) Penyata pengiraan Imbuhan (Bonus).
 - (e) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

4. KOD BAYARAN IMBUHAN (BONUS)

Kod bayaran Imbuhan (Bonus) Tahun 2003 dibayar melalui SGP/SBB.

Kod Komputer Untuk Borang PAY-A3 (Termasuk Borang e-PAY-A3) Dan Borang PAY-B

KOD	Dibayar Tahun	Dibayar Tahun	
PPBS	2003	2004	Perihal
10	401	402	Imbuhan (Bonus) Tahun 2003
15	260	260	Bonus KWSP (M)
-	804	804	Bonus Potongan KWSP
-	812	812	Cukai Tunggakan/Bonus

5. POTONGAN CUKAI PENDAPATAN DAN CARUMAN KWSP

- 5.1 Potongan cukai pendapatan akan dikenakan ke atas Imbuhan ini mengikut Jadual Potongan Cukai Bulanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan sedang berkuatkuasa semasa pembayaran dilaksanakan.
- 5.2 Caruman KWSP akan dikenakan ke atas bayaran Imbuhan ini mengikut Jadual Ketiga (Seksyen 43) Kadar Caruman KWSP Bulanan yang sedang berkuatkuasa semasa pembayaran dilaksanakan.

6. PERKARA-PERKARA LAIN

- 6.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan satu laporan 'Laporan Bayaran Imbuhan Setengah Bulan Gaji Pokok Tahun 2003' untuk rujukan dan simpanan Kementerian/Jabatan masing-masing. Laporan tersebut akan diagihkan kepada semua Kementerian/Jabatan bersama baucar bayaran Imbuhan dalam bulan November 2003.
- 6.2 Ketua Jabatan adalah disarankan supaya menyemak dengan teliti dan memastikan anggota yang telah dibayar tunggakan gaji dalam tahun 2003 dan mereka yang tersenarai di perenggan 3.4 tidak terkurang dibayar atau terlebih dibayar Imbuhan.
- 6.3 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan membayar sebarang tunggakan Imbuhan atau mengutip balik sebarang salah atau lebih dibayar.

7. TARIKH PEMBAYARAN IMBUHAN

Anggota yang layak akan dibayar Imbuhan tahun 2003 dengan kadar setengah bulan gaji pada 19 November 2003.

8. PENUTUP

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus kepada Seksyen Gaji Dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui nombor telefon 088-257111 sambungan 3109, 088-255628 atau e-mail Alice.Chan@sabah.gov.my untuk mendapatkan maklumat atau penjelasan lanjut.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"



(DATUK PHILIP N.K. CHIU)
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p: Encik Denis Mijin)

s.k. Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
88632 KOTA KINABALU

(u.p: Cik Phak Shiu Len)

s.k. Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN

(u.p: Encik Rusdin Riman)

s.k. Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p : Encik John Angelo)

s.k. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wiisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

(u.p : Cik Cecilia Chang/Puan Chia Pit Hah/Cik Elizabeth Tai/ Puan Celestine Fung)